

# SUNWAY CONSTRUCTION

Sunway Construction Group Bhd (SunCon)

## SunCon masih raih untung di tengah-tengah COVID-19



Oleh Wartawan BH  
bhbiz@bh.com.my

Share Tweet

KUALA LUMPUR: Sunway Construction Group Bhd (SunCon) mencatatkan pendapatan RM140.2 juta dan keuntungan sebelum cukai RM2.3 juta pada suku kedua berakhir 30 Jun 2020 meskipun berdepan persekitaran mencabar pandemik COVID-19.

Kumpulan itu berjaya mengurangkan perbelanjaan operasinya di tengah-tengah pandemik untuk mengekalkan keuntungan, katanya dalam satu kenyataan.

Justeru, ia mencadangkan dividen interim pertama 1.25 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Dalam pada itu, SunCon juga mengumumkan memperoleh dua projek dalaman berjumlah RM747 juta, sekali gus menjadikan jumlah tempahan baharu RM1.47 bilion, menghampiri 75 peratus daripada sasaran tempahan baharu RM2 bilion bagi 2020.

Dua tempahan dalaman baharu itu ialah Sunway Belfield dengan nilai RM402.9 juta dan projek pembangunan komersial bercampur (CP2) di Sunway South Quay dengan nilai RM463.2 juta.

Jumlah kontrak projek CP2 termasuk RM 119.0 juta kerja substruktur yang diberikan pada Jun 2019.

Tempahan kontrak kumpulan setakat Jun 2020 berjumlah RM5.4 bilion.

Pengarah Urusan Kumpulan Sunway Construction, Chung Soo Kiong, berkata kumpulan itu mengekalkan sasaran RM2 bilion bagi 2020.

Beliau berkata, pihaknya yakin mampu mencapai sasaran itu menjelang akhir tahun dengan tender baharu aktif bernilai RM8.5 bilion.

"Tender aktif kami merangkumi projek di Malaysia, India, Singapura dan Filipina," katanya.

Melangkah ke depan, SunCon akan terus mengembangkan kehadirannya di luar negara dan melaksanakan projek dalaman Sunway Group untuk pertumbuhan kukuh.

Chung berkata, pihaknya juga meninjau untuk menembusi sektor tenaga boleh diperbaharui dengan tumpuan terhadap projek solar dan sistem penyejukan daerah.

Beliau berkata, setakat ini, semua kawasan projeknya di Malaysia sudah memulakan semula operasi dan pihaknya akan terus mengamalkan langkah pencegahan yang ketat untuk mematuhi garis panduan Kementerian Kesihatan.

"Tanpa sebarang keadaan di luar jangkaan, kami harap dapat mengurangkan kelewatan pembinaan kerana aktiviti tidak bekerja lebih dua setengah bulan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Bersyarat, dan untuk memulihkan kemajuan projek.

"Dengan rizab tunai kumpulan yang utuh dan langkah kawalan kos yang ketat, kami optimis dapat mengatasi tempoh sukar ini," katanya.